



**INSTITUT PENILAIAN NEGARA  
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**KENYATAAN TAWARAN TENDER**

Tawaran Tender adalah dipelawa kepada Petender yang berdaftar dengan CIDB di dalam bidang yang berkaitan sahaja dan masih berkuatkuasa untuk menyertai tender berikut :

|  |  |
|--|--|
| <b>No. Tender</b>                        | <b>JPPH : B2 BK (S) 175/857/02/2024</b>  |
| <b>Tajuk</b>                             | <b>KERJA-KERJA MENAIK TARAF TREK BALAPAN DI INSTITUT PENILAIAN NEGARA, PERSIARAN INSPEN, 43000 KAJANG SELANGOR DARUL EHSAN</b>   |
| <b>Kod Bidang Pendaftaran</b>            | Setiap petender perlu berdaftar dengan:<br>1) CIDB - Gred G4 ke atas. Kategori - CE dan pengkhususan - CE21 & CE22<br>2) CIDB - SPKK<br>3) MOF - Kod Bidang 030501 & 030101 (jika ada)   |
| <b>Syarat Taklimat dan Lawatan Tapak</b> | I) Petender <b>DIWAJIBKAN</b> menghadiri taklimat dan lawatan tapak. Dokumen hanya dijual kepada petender yang telah hadir ke sesi taklimat dan lawat tapak sahaja.<br><br>II) Hanya penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan atau kakitangan syarikat yang diberi surat kuasa dan penama atau kakitangan syarikat yang diberi surat kuasa di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang boleh menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak.<br><br>III) Penama yang hadir <b>DIWAJIBKAN</b> mengemukakan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan, Sijil Pendaftaran CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang masih sah tempoh tempoh lakunya dan membawa Surat Lantikan sebagai pembuat/ ejen daripada pengilang/ pengeluar produk.<br><br>IV) |
| <b>Tarikh, Masa dan Tempat Taklimat</b>  | 28 Februari 2024 (Rabu), 9.30 pagi<br>Stadium INSPEN, Institut Penilaian Negara.   |
| <b>Tarikh Tutup Tender</b>               | 19 Mac 2024, Jam 12.00 Tengahari<br><br>Tawaran yang lewat dihantar tidak akan dipertimbangkan   |

**2. Borang Tender akan diberi kepada Petender yang hadir pada taklimat lawatan tapak sahaja melalui emel yang dinyatakan oleh Petender hanya setelah mendapat bayaran untuk dokumen tender. Bayaran dokumen tender yang dikenakan adalah RM100.00 sahaja. Hanya firma yang kompeten yang memenuhi syarat di atas sahaja dibenarkan untuk memasuki tender ini.**

3. Dokumen tender yang telah lengkap diisi dan ditandatangani sah sepenuhnya hendaklah dilakri dan ditaip/ditulis Tajuk Tender dan No. Tender tanpa sebarang pengenalan kontraktor dengan dakwat yang tidak luntur di sudut sebelah atas kiri sampul surat dan dialamatkan kepada:

PENGARAH  
INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)  
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA, PERSIARAN INSPEN  
43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN.

4. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang disebutkan di atas pada atau sebelum jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup Tender tersebut. Dokumen Tender yang diterima selepas tarikh dan masa Tender ditutup adalah dikategorikan sebagai Tender lewat dan ditolak sepenuhnya serta tidak akan dipertimbangkan. Bukti pos tidak diterima sebagai bukti penerimaan dan Kerajaan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang risiko dan kos yang perlu atau akan dihadapi oleh Penyebut harga bersabit dengan proses Tender ini.

5. **Lawatan tapak adalah diwajibkan.** Adalah menjadi tanggungjawab Penyebut harga sendiri untuk melawat tapak dan menilai jumlah harga kerja / bekalan / perkhidmatan yang ditawarkan. Sebarang kekeliruan, kekurangan, ketidacukupan maklumat adalah menjadi risiko Penyebut harga sendiri dan pihak Kerajaan tidak akan menanggung apa apa juga kerugian/perbelanjaan terhadap kos bersabit dengan perkara tersebut. Syarat-syarat Khas Tender seperti di dalam Arahan Kepada Penyebut harga adalah muktamad dan wajib dipatuhi bagi memastikan keseragaman setiap Tender.

6. Kerajaan Malaysia tidak akan terikat untuk menerima sebarang Tender terendah atau mana-mana Tender lain serta tiada sebarang alasan akan diberikan ke atas mana – mana Tender yang ditolak/tidak berjaya. Sebarang rayuan/cadangan/bantahan tidak akan dilayan.